



SUMBANGAN ... Naib Canselor UMS Tan Sri Profesor Dr Abu Hassan Othman (kanan) menerima derma daripada salah seorang pengurus kafeteria.

UMS harap dapat kutip RM10 ribu

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) berharap dapat mengutip RM10,000 bagi mengisi Tabung Kemanusiaan Rakyat Iraq.

Sejak kempen dimulakan 10 hari lalu, UMS telah berjaya mengutip RM7,000 dan ia bukan hanya diperolehi daripada kakitangan pelbagai jabatan universiti itu tetapi juga daripada kafeteria yang beroperasi di institusi pengajian tinggi tersebut.

Penolong Pendaftar Perhubungan Awam UMS Mohd Farish Hussain berkata pihaknya yakin akan menca-

pai sasaran bagi mengumpulkan kutipan sebanyak RM10,000.

"Kutipan derma bagi membantu rakyat Iraq itu masih lagi dijalankan dan sejak melancarkan kempen ini sepuhuh hari lalu, kami sudah pun berjaya mengutip lebih RM7,000," katanya ketika ditemui selepas majlis penyerahan kutipan tabung itu di CafÈ De Sireh Bangunan Pentadbiran UMS dekat sini kelmarin.

Naib Canselor UMS Tan Sri Prof Dr Abu Hassan Othman menerima kutipan tersebut.

Kutipan itu akan diserahkan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia.

Farish berkata kempen untuk mengutip derma itu akan diteruskan kepada seluruh warga UMS.

"Ia termasuklah kepada syarikat-syarikat yang mempunyai urusan dengan pihak universiti dan kami telahpun memaklumkan perkara ini kepada mereka," katanya lagi.

Beliau berkata kempen kutipan itu diadakan bagi memberikan peluang kepada warga UMS menghulurkan derma ikhlas bagi membantu rakyat Iraq yang sengsara akibat serangan Amerika Syarikat dan sekutunya, Britain.

"Kita mengadakan kempen itu kerana warga UMS juga turut merasa simpati dengan nasib yang dialami oleh rakyat Iraq," katanya lagi.